

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/09/2007

Selera Dr. M makin baik

Um - 30/9/2007

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Keadaan kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin pulih dan beliau mula menikmati dadih yang dibawa khas dari Kubang Pasu, Kedah dan segelas milo panas.

Menurut anaknya, Marina Mahathir, bapanya kini mempunyai selera yang baik dan mampu menghabiskan secawan dadih berkenaan.

"Saya menyuap sendiri dadih dan milo panas itu ke mulut bapa kerana hanya saya yang tahu cara memberi bapa makan.

"Bila sampai sahaja suapan terakhir, saya dengan emak, abang, para doktor dan para jururawat terus bertepuk tangan

kerana semua gembira dah menunjukkan keadaan bapa yang semakin baik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan dalam laman blognya, <http://rantingsbymm.blogspot.com>.

Selain dadih dan milo panas, menurut Marina, bapanya juga telah diberi makan puding dan aiskrim.

Beliau memberitahu, doktor sendiri menggalakkan bapanya untuk makan makanan berk kalori seperti itu bagi meningkatkan tenaga dalam badan.

"Kami sekeluarga cuba meningkatkan kalori dalam badan bapa supaya ia dapat menguatkan otot dan anggota badannya yang lain," ujarnya.